



24.6.1972

**KA-ARAH
PENGUKUHAN
NEGARA**



5 NOV 1974

**KA-ARAH
PENGUKOHAN
NEGARA**



UCHAPAN Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, PRESIDEN UMNO MERANGKAP PERDANA MENTERI MALAYSIA, DI-PERHIMPUNAN AGONG UMNO YANG KE-23 DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR, PADA 24HB JUN, 1972, JAM 9.00 PAGI.

Saya mengucapkan shukor ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan hidayah-Nya kita berkumpul sekali lagi pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini. Kita berkumpul di-sini untuk mengadakan Perhimpunan Agong UMNO yang kedua semenjak Demokrasi Berparlimen di-pulehkan, dan ini-lah juga Perhimpunan Agong yang pertama di-adakan di-bawah Perlembagaan UMNO yang baru.

Perhimpunan kita ini sekali lagi membuktikan dengan jelas akan kejayaan UMNO — perpaduan yang kukoh, kesediaan untuk berkorban dan keyakinan bahawa kita akan dapat menjamin masa depan yang chemerlang untuk kita dan keturunan kita.

Kita berhimpun di-sini untok menyambungkan perjuangan UMNO di-atas landasan yang telah di-bena dengan kukoh 26 tahun yang lalu, dalam kontek Malaysia yang baru dan sedang berkembang maju. Bagi menchapai maksud itu maka para perwakilan yang menghadhiri Perhimpunan Agung khas tahun lepas yang mempunyai pandangan jauh telah membuat beberapa pindaan kapada Perlembagaan Parti, antara-nya mulai tahun ini, para perwakilan akan memilih Ahli2 Majlis Tertinggi untok menyandang jawatan selama 3 tahun. Saya yakin pindaan2 tersebut khas-nya tentang perlanjutan masa berkhidmat puchok pimpinan tertinggi ini akan melahirkan pemimpin yang lebeh berdedikasi, yang jujur dan di-perchayai penoh serta ta'at setia kapada Parti.

PANDAI2-LAH MEMILEH

Saya sukachita melaporkn bahawa pengaruh dan prestige UMNO dan, melalui-nya, Perikatan sedang meningkat tinggi dari hari ka-hari. Keputusan2 pilehanraya kechil di-perengkat Parlimen atau pun Negeri sangat-lah memuaskan. Sehingga ini kita hanya kalah di-Tumpat Barat sahaja. Namun begitu, undi kita telah meningkat banyak berbanding dengan tahun 1969 dulu.

Begitu juga saya sukachita dan bershukor ka-hadzrat Tuhan kerana baru2 ini ramai bekas ahli2 UMNO telah rujok kapada Parti dan ramai pula ahli2 Parti Pembangkang terutama sekali dari PAS, yang telah masok menjadi ahli UMNO, atau pun berpaling menyokong UMNO.

Kita menerima mereka itu dengan senang hati dan sebagai ahli2 UMNO mereka mempunyai hak yang sama saperti ahli2 yang lama menurut Perlembagaan UMNO — selagi mereka

ta'at dan setia kepada Perlembagaan dan kepada puchok pimpinan Parti, mereka boleh bebas bergerak dalam sa-barang aktiviti UMNO.

Tetapi suka-lah saya memberi ingatan kepada pemimpin2 dan ahli2 UMNO supaya berhati2 menerima orang2 masuk UMNO sa-chara beramai2 kerana sudah tentu ada di-antara mereka itu berbuat demikian di-sebabkan berbagai tujuan — ada yang baik dan semesti-nya ada pula yang tidak baik. Saya harap kita pandai2-lah memilih mana satu intan dan mana satu kacha.

Ada-lah menjadi kenyataan semenjak Kerajaan kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua dan semenjak ada-nya pimpinan2 baru dalam Parti dan Kerajaan, sokongan dari ra'ayat terutama ra'ayat Bumiputra dan ra'ayat Malaysia 'am-nya makin meningkat. Sokongan yang luas dan sedang berkembang dari ra'ayat ini mempunyai satu erti sahaja ia-itu dasar Parti kita menepati hasrat dan memenohi kehendak2 ra'ayat khas-nya ahli2 dan penyokong2 kita yang tinggal di-luar bandar. Parti2 lawan tidak mendapat sokongan begitu kerana dasar mereka tidak di-terima oleh ra'ayat.

Kekuatan kita di-Malaysia Barat dan juga Parti2 seperjuangan kita di-Sabah dan Sarawak telah membolehkan kita membentok Kerajaan2 Champoran di-Sarawak, ia-itu Perikatan dengan SUPP pada mula2-nya, kemudian itu di-Pulau Pinang dengan Gerakan dan akhir-nya dengan PPP di-Perak. Ketiga2 Kerajaan Champoran ini memberi ma'ana yang besar kepada perpaduan negara dalam identity baru.

Kejayaan kita membentok Kerajaan Champoran itu ia-lah oleh kerana dasar kita berdiri tegak dan tegas atas kepentingan ra'ayat dan Negara. Kita telah bersetuju membentok Kerajaan2 Champoran kerana Parti2 yang bersahabat dengan kita itu

menerima dasar2 kita khas-nya Dasar Ekonomi Baru. Atas dasar itu-lah kita mengadakan Kerajaan Champoran supaya mengukuhkan lagi perpaduan ra'ayat dari berbagai kaum dan untok kesetabilan politik dalam Negara. Ini memudahkan kita untok menggembelingkan tenaga ra'ayat bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua.

PAS: KITA TIDAK MENOLAK

Tentu-lah menjadi tanda tanya apa-kah sebab-nya Kerajaan Champoran ini tidak di-perluaskan lagi supaya benar2 menchapai perpaduan bulat dalam Negara, pada hal hujjah2 yang mewujudkan tiga Kerajaan Champoran itu sangat menasabah dan praktikal.

Sa-benar-nya, kita dalam UMNO khas-nya dan Perikatan 'am-nya suka hendak bekerjasama dengan sa-barang Parti lawan yang sanggup bekerjasama dengan kita.

Baru2 ini ada ura2 hendak mengadakan kerjasama di-antara kita dengan Parti PAS di-Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sa-barang usaha ka-arrah ini demi kepentingan negara dan kemajuan ra'ayat khas-nya ra'ayat di-negeri2 yang kurang maju saperti di-Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Selain dari Parti PAS hanya tinggal tiga Parti sahaja dalam Parliamen yang berada di-luar Grand Coalition, ia-itu DAP, Pekemas dan SNAP. DAP tetap tidak dapat di-terima oleh UMNO kerana ia ada-lah sa-buah Parti chauvinis yang menjalankan dasar perkauman. Lagi pula, ta'at setia mereka kapada Negara amat di-ragukan kerana nampak-nya mereka tidak mempunyai kemegahan menjadi ra'ayat Malaysia. Mereka menchari setiap peluang terutama sekali di-luar negeri untok memutar belitkan dasar2

Kerajaan, memburok2kan Kerajaan dan negara sendiri serta merendah2kan kebolehan dan kekuatan ra'ayat.

Tetapi shukor-lah kita bahawa perbuatan2 burok mereka itu di-kutok oleh gulongan terbesar ra'ayat Malaysia yang chintakan keamanan dan harmoni memandang dari keputusan pilehanraya kechil Ulu Selangor baru2 ini. Dan kini ramai pemimpin2 moderate dan penyokong2 DAP termasuk dua Naib Presiden dan dua anggota Majlis Kerja Tertinggi telah keluar dari Parti itu.

Pergolakan dalam DAP akhir2 ini membuktikan dengan jelas apa yang kita katakan selama ini bahawa pemimpin2 DAP berchita2 merebut kuasa dengan meniupkan api perkauman dan berselindung di-bawah slogan "Malaysian Malaysia."

Tidak shak lagi, perpechahan dalam DAP akan terus meleborkan-nya oleh kerana puchok pemimpin-nya ada-lah dalang chauvinism. Mereka enggan mengakui kenyataan dan hakikat politik (realpolitik) Malaysia sa-lepas Peristiwa 13 Mei, dan sudah pasti mana2 Parti yang enggan mengakui hakikat ini akan hanyut dalam peredaran zaman.

Pekemas nampak-nya sukar hendak menjadi sa-buah Parti yang benar2 berchorak nasional. Namun begitu, kita hendak-lah mengawasi gerak geri-nya setiap masa.

SNAP ada-lah Parti yang berchorak daerah dan sa-barang Parti yang berchorak demikian tidak akan berkembang lama atau ka-seluruh negara.

Saya kesal ada-nya sa-gulongan kechil ra'ayat di-negara ini yang maseh lagi meniupkan api perkauman. Ada sa-tengah2 Parti lawan mengatakan konon-nya pihak Pembangkang tidak mempunyai kesempatan bergerak di-sebabkan ada-nya undang2 yang menekan kebebasan mereka ia-itu Akta Menghasut khas-nya. Ini

tidak-lah benar sama sekali. Kalau undang2 itu menyekat mereka untok bergerak maka sudah tentu-lah ra'ayat akan bersimpati dengan mereka kalau benar mereka itu bergerak kerana hendak membela ra'ayat. Tetapi, akta2 dan undang2 yang ada tidak menyekat mana2 Parti kalau dasar-nya dan rancangan perjuangannya menepati kehendak dan hasrat ra'ayat.

AWASI TEKTIK2 PEMBANGKANG

Parti politik yang menggunakan issue2 bahasa, kebudayaan dan berbau perkauman tidak mempunyai dasar yang berjejak pada kenyataan hidup masharakat kita sekarang. Ra'ayat mahu mengechap kema'amoran; ra'ayat mahu menchapai kemajuan untok menyesuaikan diri mereka dalam zaman sains dan teknologi; ra'ayat mahu hidup rukun damai; mahu negara-nya menchapai kedudukan yang sa-timpal dengan taraf-nya sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, bersahabat erat dengan negara2 jiran; ra'ayat mahu negara-nya memainkan peranan yang berguna dalam hubongan sa-rantau dan juga di-dunia sa-belah sini.

Kita mesti-lah selalu mengawasi tektik2 Parti Pembangkang. Walau bagaimana halus atau lichin sekali pun tektik2 mereka untok meniupkan racialism dan chauvinism mereka, kita mesti-lah menghadapi-nya dengan tindakan2 politik dan ekonomi yang tegas. Sebagai Parti pemrentah, kita harus berusaha supaya sokongan yang di-beri oleh ra'ayat kapada kita itu di-perkukuhkan dan di-perkuat dari masa ka-masa.

Saperti saya katakan tadi, dasar kita khas-nya Dasar Ekonomi Baru di-terima penoh oleh ra'ayat, sebagai dasar yang adil bagi semua pihak, dasar untok melenyapkan mas'alah kemiskinan

sama ada di-kampong2 lama atau di-kampong2 baru. Dasar urbanisasi kita atau dasar membandarkan orang2 luar bandar adalah sesuai dengan kenyataan hidup dalam negara kita. Falsafah negara kita ia-itu Rukunegara menepati kehendak ra'ayat dari berbagai golongan untok hidup rukun damai. Parti2 lawan tidak dapat menyangkal kebenaran atau kejujoran Parti dan Kerajaan Kita.

Ranchangan2 pembangunan yang sedang di-laksanakan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru ada-lah bertujuan hendak memberi taraf hidup yang tinggi dan sempurna kapada ra'ayat di-negara kita khas-nya kapada mereka yang sekarang dalam keadaan miskin dan dza'if. Kita sedar bahawa harapan atau expectation ra'ayat sangat besar terhadap kehasilan ranchangan2 ini tetapi kita harus juga sedar bahawa kejayaan ranchangan2 Kerajaan ini sangat-lah bergantung kapada tanggung jawab dan sambutan ra'ayat jelata sendiri.

BERTINDAK MENGISI HARAPAN

Ra'ayat jelata mustahak-lah di-beri pengertian dan kesedaran yang jelas bahawa tanggung jawab meninggikan taraf hidup mereka terletak kapada diri mereka, tidak semata2 kapada Kerajaan. Ra'ayat mesti-lah faham bahawa mereka jangan-lah semata2 berharap tetapi mesti-lah bertindak mengisi harapan mereka sendiri. Kemajuan dan kema'amoran negara tidak datang bergolek ka-atas riba kita bahkan mesti-lah di-usahakan bersama oleh ra'ayat dan Kerajaan. Ra'ayat mesti-lah berani bersama2 menyingsingkan lengan menggerakkan ranchangan2 ini yang pada akhir-nya ia-lah untok kebaikan dan kesejahteraan hidup mereka.

Begitu juga pelaksanaan segala rancangan2 kita memerlukan readjustment dalam pemikiran ra'ayat. Tanpa perubahan dalam pemikiran, kita tidak dapat menghadapi chabaran2 hidup di hadapan kita. Dunia di-sekitar kita beredar dan berubah dengan chepat. Kalau kita tidak sanggup menyesuaikan diri kita dengan perubahan dunia yang begitu chepat sekarang, kita akan ketinggalan di-belakang dan kita akan terchichir oleh zaman.

Masa-nya telah sampai bagi kita semua merebut peluang2 untuk kemajuan Bangsa dan Negara kita. Kita tidak boleh menanggohkan lagi masa untuk berusaha dan berikhtiar untuk menebus kemundoran kita. Kita telah lama menunggu dan dahaga kapada perubahan2. Sekarang peluang2 ada-lah terbuka dengan luas. Oleh itu wajib-lah kita menchurahkan segala usaha dan tenaga untuk merebut peluang2 itu untuk kebahagiaan hidup kita dan keluarga kita serta bagi kemajuan Bangsa dan Negara.

Saya ingin menegaskan lagi keazaman Kerajaan dalam menjalankan langkah dan usaha untuk memenohi hasrat dan chita2 ra'ayat supaya benar2 memberi ma'ana kapada matlamat negara yang merdeka dan berdaulat. Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru sedang di-laksanakan dengan bersungguh2 dengan arti kata bahawa pada kejayaan Dasar Ekonomi Baru itu-lah bergantung-nya masa depan hatta wujud mati-nya 'survival of Malaysia' sebagai bangsa yang bersatu padu. Oleh sebab itu-lah saya dan rakan2 saya dalam Kabinet sangat2 mengambil berat dan sentiasa mengawasi pelaksanaan projek2 yang di-susun dalam Rancangan Lima Tahun ini supaya benar2 menchapai dan memenohi matlamat2-nya.

Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini, Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa buah badan2 saperti Pernas, Lembaga Padi dan Beras Negara, Lembaga Pembangunan Bandar, atau UDA, Lembaga Kemajuan Perikanan dan Lembaga Pemasaran

Ikan, Sharikat Perusahaan Makanan atau FIMA, Lembaga Pemasaran Kelapa dan lain2. Hari ini boleh di-katakan semua negeri mempunyai Lembaga Kemajuan Ekonomi atau SEDC yang bertugas mempergiatkan kemajuan perdagangan dan perindustrian di-negeri masing2.

Salah satu langkah yang amat mustahak untok menjaga taraf hidup ra'ayat ia-lah menjamin bekalan barang2 keperluan sehari2 supaya tetap sentiasa ada dan dengan harga yang berpatutan ia-itu dengan menjalankan perniagaan borong dan juga perniagaan runchit.

SHARIKAT BORONG-RUNCHIT

Saya telah mengarahkan Pernas supaya menjalankan perniagaan borong barang2 keperluan termasuk juga barang2 dari negara China dan membekalkan barang2 ini ka-Negeri2 sementara Kerajaan Negeri telah di-arah menubuhkan sharikat2 untok mengendalikan perniagaan borong dan runchit di-perengkat negeri dan daerah.

Ini sudah pun mula bergerak saperti yang di-jalankan oleh Pernas dan Senama di-Selangor; Sharikat Permodalan dan Perusahaan Pahang; Sergam Sendirian Berhad Johor; Penida Sendirian Berhad Perak; Sharikat Babena Trengganu; Serba Sendirian Berhad Kedah; Sharikat Tenaga Baru dan Sharikat Kelana di-Negeri Sembilan. Saya harap tidak lama lagi setiap negeri akan mempunyai sharikat-nya masing2 dan barang2 keperluan ra'ayat di-jual dengan harga yang berpatutan. Selain dari itu, saya harap di-kampong2 juga akan di-adakan kedai2 runchit di-kendalikan oleh penduduk2 kampong sendiri. Dengan ini bukan saja penduduk2 kampong mendapat latehan dan kemahiran dalam lapangan perniagaan bahkan dapat mengendalikan barang2 keperluan sendiri.

Sementara itu saya ingin melihat Pernas dan sharikat2 anaknya menumpukan kegiatan2 kepada langkah2 yang memberi faedah sechara langsung untok ra'ayat. Sharikat Insuran Pernas atau MNI telah pun berjalan dengan memuaskan dan saya harap tidak lama lagi Sharikat Cement di-Johor Tenggara akan mula bergerak supaya memberi peluang2 pekerjaan baru. Begitu-lah saya harap Sharikat2 Pemodalan Negeri dan SEDC mengambil bahagian sechara langsung dalam perusahaan2 dan perniagaan untok membuka peluang2 pekerjaan yang lebeh banyak kepada ra'ayat.

Kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada Pernas, SEDC dan badan2 lain untok memenohi matlamat2-nya dalam jangka waktu yang singkat. Perhimpunan kita hari ini bersama2 menyuarakan hasrat ra'ayat yang meletakkan harapan penoh kepada mereka untok menjamin masa depan yang cherah kepada Bumiputra.

Kita juga harus-lah faham jika kemajuan awal yang di-chapai mereka tidak sebagaimana yang di-harapkan kerana badan ini mengalami kekurangan pegawai2 terlateh, pegawai2 mahir dan professional. Oleh sebab itu, sebagaimana akan saya terangkan kelak, Kerajaan, badan2 sa-para Kerajaan dan Pernas akan mengambil pegawai2 dagang atau expatriate professional untok mengisikan kekosongan itu. Jika tidak, kemajuan pembangunan dan pertubohan ekonomi negara tidak akan berjalan sa-chepat yang di-kehendaki.

Satu perkara lagi yang saya perlu nyatakan di-sini ia-lah oleh kerana badan2 ini berchorak swasta maka mereka menghadapi persaingan yang hebat di-medan private sector dan perlu-lah sa-tengah ranchangan2 mereka itu di-rahsiakan dahulu sa-belum di-hebahkan untok pengetahuan umum. Badan2 ini juga di-anjorkan supaya bertindak dengan menjadikan keuntongan sebagai motive dan dasar ini hendak-lah di-faham oleh kita semua.

Melalui UDA, yang masa ini sedang menumpukan usahanya di-bandar besar ia-itu Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kita akan berusaha untuk melaksanakan langkah menyusun semula masyarakat dengan menjamin kadar penyertaan orang2 kita yang wajar dalam perniagaan dan perindustrian moden.

Lembaga Padi dan Beras Negara bukan saja bertugas untuk menjamin harga padi yang berpatutan untuk petani2 kita tetapi juga mengawal harga beras yang wajar bagi pengguna2. Di-samping itu, sebagai langkah jangka panjang-nya, LPN akan membantu kaum tani supaya dapat memiliki tanah sawah yang ekonomik atau economic holding dan dengan ini mereka boleh betul2 bergantung hidup pada usaha bersawah dengan jaminan pendapatan yang sewajar-nya. Tidak shak lagi dengan berjalan-nya MADA di-Kedah dan KADA di-Kelantan, masa depan petani2 akan bertambah cerah.

Kaum nelayan kita yang selama ini dalam keadaan dza'if dan miskin akan dapat mengubah chorak hidup mereka sa-telah Lembaga Perikanan mulai melaksanakan ranchangan2-nya kelak. Saperti di-ma'alum, chara lama menangkap ikan sudah tidak sesuai dengan zaman kita ini dan hanya dengan menggunakan teknik2 moden, baru-lah kaum nelayan dapat menjamin taraf hidup yang lebeh baik untuk mereka dan keluarga mereka.

BERJUTA2 EKAR TANAH BARU DI-BUKA

Meski pun matlamat kita ia-lah hendak menurunkan peratus ra'ayat yang berada dalam rural traditional sector, buat beberapa lama ekonomi negara akan bertapak pada sektor pertanian. Jadi kita mesti-lah berusaha meluaskan scope perindustrian yang berdasar kapada sumber2 tanaman dalam negeri dengan menambah sumber2 yang ada sekarang.

FIMA, yang di-tubuhkan khusus untuk perindustrian makanan, akan meluaskan lagi perusahaan kilang nenas, di-samping meneroka lapangan baru seperti perusahaan biji gajus dan buah2an tempatan.

Ranchangan besar2an yang sedang di-susun untuk tiga kawasan baru di-Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara di-samping Jengka Tiga Segi melibatkan pembukaan hampir2 lima juta ekar tanah. Berbagai2 projek industri dan pertanian sedang di-atorkan dalam ketiga2 ranchangan ini, termasuk juga projek penternakan lembu untuk susu dan daging. Saya telah juga mengarahkan MARDI supaya menyiasat kemungkinan menanam kapas untuk textile industri kita yang semakin meluas hari ini. Dan tentu ada banyak lagi kemungkinan menghasilkan tanaman sechara besar2an seperti tebu, jagong dan lain2 untuk memenohi keperluan negara.

Semua ranchangan yang di-jalankan sekarang ada-lah bertujuan membuka peluang2 baru kepada ra'ayat, memberikan mereka dan keluarga mereka jaminan hidup yang lebeh baik dengan mengubah chorak hidup "kais pagi makan pagi" kepada chorak monetary economy atau dengan pendapatan wang yang tetap. Ini seterusnya membolehkan mereka menyertai lapangan industri dengan melaborkan wang simpanan dalam bentok membeli saham atau pun melalui Amanah Saham Mara.

PASARAN SAHAM LEBEH LUAS

Berikut dengan kejayaan2 yang di-chapai oleh Amanah Saham Mara, maka Mara sedang meranchangkan komplek kewangan untuk meluaskan lagi scope atau bidang penyertaan orang2 Me-

layu dalam kegiatan2 sistem kewangan moden. Dalam ranchangan ini, Mara tidak lama lagi akan membentok sa-buah Badan Amanah Pelaburan atau Investment Trust yang akan membeli saham Sharikat2 perusahaan2 yang berkembang di-dalam ekonomi Negara. Ini-lah chara yang nyata dan berkesan bagi orang2 kita mendapatkan bahagian yang wajar dalam ekonomi negara di-samping merasai dan menambah hak milek dalam perusahaan2. Mara juga sedang meranchangkan Pasaran Saham yang lebeh luas daripada apa yang telah di-jalankan-nya sekarang supaya dapat memberi peluang yang lebeh luas kepada orang2 kita mendapat menafa'at dari perniagaan saham melalui Pasaran Saham itu.

Peluang pekerjaan yang di-adakan menerusi Ranchangan Malaysia Kedua untok tahun pertama ada-lah memuaskan. Berdasar pada angka peserta2 baru EPF, tidak kurang dari 100,000 pekerjaan dapat di-adakan dalam tahun 1971 untok memenohi matlamat 120,000 pekerjaan sa-tahun. Dengan itu kita dapat membendong kadar penganggoran sa-takat 7.6%. Saya yakin apabila semua pioneer industri yang telah kita luluskan mulai berjalan kelak, matlamat peluang2 pekerjaan akan dapat di-chapai.

Tetapi, serentak dengan itu juga, Kerajaan memandang mustahak mengadakan ranchangan2 latehan kemahiran untok mengisi keperluan industri dengan membanyakkan Pusat2 Latehan saperti yang di-jalankan oleh Mara, Kementerian Buroh, Kementerian Pertanian dan Kementerian2 lain. Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengadakan sekolah vocational dan technical dengan lebeh banyak di-seluroh negara. Latehan2 ini di-selaraskan oleh suatu Lembaga Penyelerasan supaya tiap orang yang akan mendapat latehan membolehkan mereka itu bekerja di-kilang2 dan di-Jabatan2 Kerajaan. Di-samping itu kaum pekerja di-berikan jaminan yang lebeh baik dengan mengadakan Social Security

Scheme atau Sekim Keselamatan Sosial yang akan di-luaskan ka-seluruh negara yang menjamin pekerja2 dapat bantuan dan rawatan jika mereka terchedera. Begitu juga kita sentiasa mengadakan kemudahan2 yang sa-wajar bagi pekerja2 kita dan pe-luang2 bekerja bagi belia2 lepasan sekolah2 Menengah dan Pusat2 Pengajian Tinggi.

Apa yang saya katakan tadi hanya merupakan kemajuan sa-takat ini yang dapat kita usahakan. Tidak shak lagi langkah2 Kerajaan itu akan di-lipatgandakan pada tahun2 akan datang supaya benar2 dapat memenohi tuntutan hasrat ra'ayat dan saya yakin Allah akan memberkati usaha2 kita itu.

BANDAR2 BARU

Mengenai Ranchangan Pahang Tenggara khusus-nya, kita boleh membayangkan perubahan2 yang akan berlaku di-kawasan itu dalam tempoh satu jenerasi. Penduduk2-nya yang sa-ramai 60,000 hari ini akan bertambah tujuh kali ganda menjadi 500,000 orang, mendiami 36 bandar2 baru menjelang tahun 1990. Ka-wasan 3,000 batu persegi yang kebanyakan-nya hutan belantara sekarang ini akan berubah menjadi ladang2 getah dan kelapa sawit, kawasan2 bandar dengan kemudahan2 moden bagi ma-sharakat perindustrian dengan rangkaian jalan2raya-nya.

Gambaran yang sama akan berlaku di-kawasan Johor Teng-gara yang mempunyai potential besar dalam sektor perindustrian moden dan juga pelanchongan dengan sa-buah pelabohan baru-di-Pasir Gudang. Hari ini pun kita boleh menyaksikan kemajuan2 Ranchangan Jengka di-mana tapak bandar baru sedang pesat di-bangunkan di-tengah2 kawasan ladang kelapa sawit dan mem-

punyai timber industrial complex yang terbesar di-dunia sa-belah sini. Begitu juga saya harap kemajuan yang saperti ini akan dapat di-chapai di-Kawasan Trengganu Tengah.

Memandang pada peluasan ranchangan2 ekonomi hari ini, sedangkan negara maseh kekurangan tenaga pegawai2 yang ber-pengalaman maka sangat-lah mustahak pada perengkat ini kita mendapatkan tenaga2 pakar dari luar negeri. Saya ingin saudara2 memahami hakikat ini dan menyokong dasar Kerajaan mengenai pengambilan tenaga2 dari luar untok membantu kita menjayakan ranchangan2 negara. Kita telah melihat bukti-nya yang nyata melalui pinjaman tenaga guru dari Indonesia, dan Peace Corp, doktor2 dari Mesir, Filipina, Korea dan tidak lama lagi dari Burma. Langkah ini di-rasakan perlu untok mengatasi kekurangan tenaga2 itu, terutama di-kalangan Bumiputra, sehingga kita dapat mengada sendiri kelak.

Bagaimana pun, mengenai pengambilan tenaga2 pakar untok projek2 besar, dasar kita ia-lah meminta bantuan negara2 yang tidak mempunyai kepentingan chara langsung supaya dapat mengawal kepentingan kita sendiri. Pakar2 Canada dan Belanda masa ini bertugas di-Pahang; saya juga berchadang meminta pakar2 dari negara2 kechil yang telah maju saperti Denmark, Sweden, Norway dan Yugoslavia, negara2 yang sesuai dengan dasar luar negeri kita yang tidak terikat kapada mana2 pihak, kita akan membuka kerjasama ekonomi dengan negara2 Eropah Timor termasuk Soviet Union.

Saperti saya katakan tadi, langkah ini ia-lah sementara kita dapat mengadakan tenaga2 pakar kita sendiri dalam beberapa tahun akan datang. Ini sedang pun di-jalankan dengan menghantar pegawai2 kita untok latehan post-graduate, di-Universiti2 di-Amerika Sharikat, United Kingdom, Netherlands dan sebagai-

nya. Saya berharap saudara2 memberikan pandangan yang sempurna kepada langkah2 ini.

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak mesaimbangkan kedudukan ekonomi di-kalangan ra'ayat supaya dapat kita menchapai perpaduan yang kuat dan kukoh, Kerajaan ada-lah juga menjalankan dasar2 yang lain untok memberi identiti atau keperbadian kepada ra'ayat di-negara kita yang merdeka dan berdaulat.

Dalam usaha memberikan kedaulatan dan tempat yang sempurna kepada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, kita telah mendapat kejayaan yang memuaskan. Pemakaian Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Penghantar telah mula berjalan pada tingkatan primary di-semua sekolah dan akan di-laksanakan pada semua tingkatan menengah menjelang tahun 1980. Saya berharap langkah2 yang tegas akan di-ambil oleh Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka untok mengeluarkan buku2 teks dalam Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi dalam semua mata pelajaran dan buku2 bacaan umum dan buku2 rojokan khas-nya.

Dewan Bahasa dan Penal Hadiah Sastera akan di-arah untok menggalakkan lagi penulisan dalam bidang Sains, Ekonomi, Sejarah Teknologi, Biography dan ilmu2 pengetahuan yang lain dalam tahun2 tujuh pulohan. Selain dari Hadiah Sastera yang ada sekarang, pada masa akan datang hadiah akan di-beri untok buku2 dan penulisan berkenaan Sains, Teknologi, Ekonomi dan lain2 lagi. Sangat-lah mustahak kita mempunyai buku2 ini di-semua perengkat pelajaran kalau kita berkehendakkan ra'ayat negara kita mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia seluas2-nya dengan chukup mendalam.

BAHASA: AZAM KERAJAAN

Kerajaan berazam hendak meneruskan usaha2 bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua chawangan pentadbiran dan perdagangan. Saya sukachita melihat banyak papan2 tanda di-kedai2 dan bangunan2 perniagaan dan kilang2 perusahaan yang di-tulis dalam Bahasa Malaysia tetapi ini pun maseh boleh di-perbaiki.

Akan tetapi saya dukachita kerana maseh ada lagi pehak2 tertentu yang belum lagi mengambil langkah bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu, saya berharap mereka akan melaksanakan dasar Kerajaan ini dengan sa-berapa segera yang boleh. Ada-lah menjadi tanggung jawab setiap ra'ayat Malaysia mengguna dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan-nya sendiri dan mereka hendak-lah berasa megah menggunakan Bahasa Kebangsaan itu.

Saya berharap mereka sedar akan tanggung jawab masing2 sebagai ra'ayat Malaysia terhadap Bangsa dan Negara. Saya berharap pehak2 yang belum lagi menggunakan tulisan Bahasa Malaysia di-papan2 tanda perniagaan2 dan perusahaan mereka akan berbuat demikian dengan sa-berapa segera yang boleh.

GAJI BARU TENTERA

Kerajaan ada-lah menjunjong tinggi perkhidmatan yang chemerlang dan pengorbanan terus menerus yang di-berikan oleh perajurit2 kita bagi mempertahankan kedaulatan Bangsa dan Negara. Dengan sebab itu, Kerajaan telah dan akan mengambil

apa jua langkah2 yang di-fikirkan perlu dan mustahak untok menjaga dan memelihara kepentingan mereka dan anak isteri mereka. Shor2 Jawatankuasa Menyemak Tangga Gaji Baru bagi anggota2 tentera sekarang berada dalam pertimbangan Kerajaan dan saya harap chadangan2 Jawatankuasa itu dapat di-istiharkan tidak berapa lama lagi. Saya perchaya tangga gaji baru itu akan mendapat sambutan yang sewajar-nya dari perajurit2 kita.

Begitu juga berkenaan dengan bekas2 perajurit, langkah2 telah di-ambil bagi menyediakan latehan2 bagi mereka yang hendak berhenti dari perkhidmatan tentera — latehan yang chukup masa bagi membolehkan mereka itu mendapat kemahiran bagi memulakan kehidupan baru sama ada dengan swasta atau pun bersendirian. Saya telah memberi arahan bahawa tiap2 perajurit yang di-kehendaki menamatkan perkhidmatan-nya mestilah di-beri latehan supaya mereka mendapat pekerjaan yang tertentu. Kita tidak mahu mereka itu balek ka-kampong2 dengan tiada pekerjaan. Ranchangan2 tanah di-sediakan dan akan diperluas untok mereka yang suka hendak menjalankan perusahaan pertanian. Begitu juga peluang2 bekerja dengan Kerajaan dan juga Swasta ada-lah di-beri keutamaan kapada mereka. Saya harap perajurit2 akan memberi kerjasama kapada Kerajaan untok menjayakan ranchangan2 yang bertujuan semata2 memberikan pertolongan kapada mereka. Begitu juga saya bershukor kerana Persatuan Bekas2 Perajurit ada-lah memberi kerjasama yang sangat memuaskan kapada Kementerian Pertahanan untok menjaga kepentingan bekas2 perajurit.

SAGUHATI PERAJURIT DI-TAMBAH

Pada hari ini, saya sukachita mengumumkan Kerajaan telah bersetuju hendak menambahkan pembayaran sagu hati yang diberi kepada balu2 atau waris2 perajurit yang gugor dan juga mereka yang chedera parah yang membawa kechachatan langsung (permanent disablement) semasa bertugas ia-itu dari \$2,000 kepada \$5,000. Harus-lah di-ingat sagu hati ini ada-lah satu pemberian khas Kerajaan selain daripada penchen dan sagu2 hati tetapi yang sudah di-tentukan oleh undang2.

Selain daripada usaha2 kita memperkembang dan memperkuat ekonomi kita maka mustahak-lah juga kita mengambil langkah2 untuk mengukuhkan kedudukan masharakat kita serta membentok keperibadian bangsa. Jika kita ingin menjadi bangsa yang maju, moden dan di-hormati oleh bangsa2 lain, maka mustahak-lah segala aspek hidup kita — sistem sosial, perbuatan dan amalan kita sa-hari2 mencherminkan rasa peri-kemanusiaan dan moral yang tinggi.

Baru2 ini Kerajaan telah melantek satu Jawatankuasa untuk menimbangkan pindaan kepada undang2 mengenai Nikah Cherai bagi orang2 yang bukan Islam. Penyata Jawatankuasa itu sedang di-timbangkan dan Kerajaan berharap tidak lama lagi undang2 itu dapat di-kemukakan kepada Parlimen.

MEMPERKETAT UNDANG2 NIKAH-CHERAI

Begitu juga baru2 ini saya telah mengeshorkan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia supaya melantek satu Jawatan-

kuasa bagi menyemak undang2 Pentadbiran Shari'ah terutama sekali yang menyentuh aspek nikah cherai orang2 Islam. Saya telah meminta Jawatankuasa ini membuat shor2 untok mengetatkan lagi undang2 dan peratoran2 nikah cherai bagi orang2 Islam, sesuai dengan kehendak ugama Islam yang sa-benar-nya.

Kita tahu Ugama Islam membenarkan lelaki berkahwin lebeh dari satu, sehingga 4 orang isteri sahaja. Tetapi kebenaran beristeri lebeh dari satu itu di-sertakan dengan syarat yang ketat, ia-itu mustahak-lah sa-orang lelaki itu sebagai suami bersifat adil, dzahir dan batin.

Akan tetapi saya dukachita bahawa kebenaran di-sisi Ugama Islam itu di-pandang ringan oleh sa-tengah2 kaum lelaki hingga mereka menchuaikan tanggung jawab mereka kapada anak isteri dan menggunakan kuasa mencheraikan isteri tanpa perasaan timbang rasa dan rasa peri kemanusiaan. Pada hal, perlulah kita semua menganggap nikah kahwin sebagai institusi atau ikatan yang mustahak dan penting serta di-pandang serious bagi masharakat.

Oleh itu, saya fikir peratoran2 yang ada sekarang ini patut-lah di-semak supaya dapat di-ketatkan dan perbuatan yang tidak adil yang menjatohkan maruah bangsa kita dan merendahkan Ugama Islam yang maha suchi di-pehak2 yang lain dapat di-berhentikan.

Saya tidak bertujuan hendak menyekat mereka yang mampu dari segi ekonomi dan kesihatan berkahwin lebeh dari satu — kalau mereka itu boleh menyempurnakan nafkah isteri dengan sempurna dzahir dan batin. Akan tetapi hendak-lah hak lelaki itu di-gunakan dengan rasa peri kemanusiaan. Begitu juga kalau terpaksa mencheraikan isteri, mesti-lah dengan syarat2 yang tertentu dan masa hadapan anak2 isteri mesti-lah di-pertimbangkan

dengan sa-halus2-nya. Saya fikir perkara ini di-pandang serious supaya maruah dan nama baik umat Islam dapat di-pelihara menurut ajaran2 Islam yang sa-benar-nya. Saya harap apabila jawatan-kuasa ini telah selesai menyediakan shor2-nya, perkara ini akan di-persembahkan kepada Majlis Raja2 untok di-pertimbangkan.

CHUTI: TAK PERLU DI-UBAH

Berhubung dengan usaha2 mengukuhkan kedudukan masyarakat kita, maka termasuk-lah juga soal kedudukan guru2 Ugama yang memikul tugas membimbing akhlak dan moral anak2 kita ia-itu bakal jenerasi muda masa hadapan.

Saya bersimpati dengan rayuan mengenai kedudukan mereka itu, terutama guru2 ugama di-sekolah2 rendah yang tidak termasuk di-dalam pertimbangan Surohanjaya Aziz.

Saya telah meminta Kerajaan2 Negeri menyelesaikan perkara ini dengan melaksanakan Laporan Aziz bagi guru2 ugama dan memberi pertimbangan kepada mereka yang telah lama berkhidmat supaya di-samakan kelulusan Thanawi IV dengan SPM sebagai jawatan 'Penyandang' bagi mereka itu, supaya mereka mendapat gaji sama dengan guru2 yang lulus SPM juga. Syarat yang memerlukan SPM untok guru2 ugama seperti yang di-kehendaki oleh Laporan Aziz patut-lah di-kenakan kepada guru2 yang baharu di-ambil saja.

Saya perchaya Kerajaan2 Negeri akan menyempurnakan permintaan ini, untok memelihara morale dan kedudukan guru2 ugama kita.

Mengenai guru2 yang berijazah, kedudukan mereka sedang di-timbangkan oleh sa-buah Surohanjaya yang di-hantar khusus

untuk menyelidiki Universiti2 dan Pusat2 Pengajian Tinggi di-Asia Barat baru2 ini. Saya perchaya laporan Surohanjaya ini akan memberi kepuasan hati kapada semua yang berkenaan.

Ini semua menunjukkan bahawa kita sangat memandang berat kapada kedudukan Ugama Islam sebagai satu tenaga penggerak untuk pembangunan masharakat Malaysia Baru.

Satu lagi perkara yang baru2 ini hangat di-binchangkan dalam akhbar2 ia-lah chadangan hendak menyamakan chuti umum di-seluruh negara. Pada masa ini chuti umum di-lima buah negeri ia-itu Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan Johor ada-lah pada hari Khamis dan Juma'at yang berlainan dengan chuti umum di-negeri2 lain dan Kerajaan Pusat. Perkara ini telah di-binchangkan beberapa kali dan telah pun di-bahathkan dalam Parlimen pada tahun 1960 dengan teliti dan usul di-atas perkara ini telah di-tolak. Oleh itu, pada fikiran saya, elok-lah keadaan yang ada sekarang ini tidak di-ubah dan saya fikir Kerajaan2 Negeri pun tidak bersetuju perkara ini di-ubah oleh sebab2 yang tertentu.

Sekarang saya suka berpaling kapada dasar luar negeri. Semenjak Kerajaan baru di-tubuhkan pada bulan September 1970, Kerajaan kita telah menjalankan dasar luar negeri yang tegas, bebas dan berkechuali. Melalui dasar ini, kita telah meluaskan persahabatan kita dengan semua negara tidak kira apa juga sistem pentadbiran dan fahaman politik mereka. Sekarang kita telah diterima sebagai anggota kumpulan Non-Aligned dan baru2 ini Persidangan Jawatankuasa Persediaan bagi Meshuarat Non-Aligned Countries atau Negara2 Berkechuali telah di-adakan di-Kuala Lumpur. Ini ada-lah menunjukkan bahawa sungguh pun kita baru menjadi anggota Non-Aligned Movement kita ada-lah dihormati oleh kumpulan negara2 ini.

Begitu juga kita telah mengemukakan dasar Perkecualian Asia Tenggara. Chadangan kita ini telah di-terima baik bukan saja oleh negara2 jiran bahkan oleh negara2 sahabat yang lain di-seluruh dunia.

DEKLARASI KUALA LUMPUR DI-ALU2KAN

Pada bulan November tahun lalu, Persidangan Menteri2 Luar ASEAN telah di-adakan di-Kuala Lumpur untok menimbangkan perkara ini dan hasil dari Persidangan itu ia-lah Peristiharaan atau Deklarasi Kuala Lumpur yang menzahirkan keazaman ne-Malaysia untok menjadikan Asia Tenggara ini "zone of peace" gara2 ASEAN, ia-itu Indonesia, Thailand Filipina, Singapura dan Malaysia untok menjadikan Asia Tenggara ini "zone of peace" bebas dan berkechuali.

Sekarang usaha2 sedang di-jalankan untok menerangkan konsep itu dengan lebeh mendalam kapada negara2 yang lima itu dan juga negara2 lain di-Asia Tenggara. Chadangan kita ia-lah kawasan Asia Tenggara yang mengandongi sepuluh negara2 kechil termasuk-lah Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Republik Khmer, Laos, Burma dan lima Negara ASEAN, di-jadikan kawasan bebas dan berkechuali dan kebebasan dan pengechualian ini hendak-lah di-akui dan di-hormati oleh ketiga2 Kuasa Besar dunia, ia-itu Amerika Sharikat, Soviet Union dan Kominis China.

Saya sukachita sa-lepas Deklarasi Kuala Lumpur itu di-per-setujui, saya telah dapat peluang berunding dengan Perdana Menteri Laos, Putera Souvana Phouma dan juga Perdana Menteri Burma, General Ne Win. Kedua2 pembesar itu telah menerima konsep Pengechualian ini. Dengan itu saya berharap konsep ini dapat di-persetujui oleh negara2 ASEAN dan negara2 lain di-

Asia Tenggara dan seterusnya kita akan mengemukakan-nya kepada kuasa2 besar untuk di-persetujui dan di-hormati oleh mereka.

Kita dukachita kerana keadaan rantau ini maseh bergelora dan api peperangan di-Vietnam maseh menyala dengan hebat-nya. Akan tetapi kita bershukor kerana baru2 ini kita melihat dua peristiwa yang maha penting dalam pergolakan politik dan perhubungan antara-bangsa — ia-itu lawatan2 Presiden Nixon ka-Republik Ra'ayat China dan ka-Soviet Union. Nyata-lah perbinchangan kemunchak yang telah di-adakan dengan kedua2 negara itu dapat mengendorkan suasana tegang perhubungan kuasa2 besar.

Kita mengalu2kan perkembangan ini dan sungguh pun persidangan2 kemunchak itu belum dapat membawa keamanan di-Asia Tenggara dan mengendorkan ketegangan di-Asia Barat, tetapi persetujuan Kuasa2 Besar untuk berdailog dan membinchangkan mas'alah2 dunia tidak dapat tiada membawa ma'ana yang besar kepada keamanan dan ketenteraman pada masa akan datang.

Begitu juga perubahan dalam perhubungan antara super-powers tidak-lah berma'ana bahawa peperangan nuklear atau konfrontasi di-antara mereka itu tidak akan berlaku. Kemungkinan ini belum-lah dapat di-duga. Akan tetapi, nyata-lah bahawa satu proses telah bermula untuk mengadakan hubungan baik dan persefahaman antara kuasa2 besar yang akan memberi dunia kita masa depan yang aman dan cherah. Kita berdo'a ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah2an usaha2 perundingan kemunchak saperti ini akan di-teruskan untuk keselamatan manusia dan keamanan dunia.

Berkaitan dengan dasar luar kita yang tegas dan konsep kita untuk menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan

berkechuali, mustahak-lah kita dan negara2 lain di-rantau ini menjamin bahawa kita mempunyai kekuatan untok berdiri di-atas kaki sendiri untok mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita. Ini-lah satu syarat mutlak yang mesti di-tunaikan kalau kita berkehendak negara2 luar khas-nya kuasa2 besar menghormati kita.

Begitu juga negara2 Asia Tenggara mesti-lah mengadakan kerjasama yang rapat antara satu dengan lain untok kepentingan bersama dan saling membantu bagi kemajuan dan kema'amoran bersama. Dengan tujuan ini-lah kita berusaha sunggoh2 menguatkan bidang kerjasama sa-rantau atau regional co-operation dan kita sukachita usaha2 kita itu bersama2 dengan Indonesia, Thailand, Singapura dan juga Filipina mendatangkan hasil yang memuaskan. Pada hari ini, ASEAN sebagai pertubohan sa-rantau telah bertambah maju dan kukoh, menghadapi masa depan dengan penoh keyakinan.

SELAT MELAKA: PENDIRIAN KITA TEGAS

Ada lagi satu perkara yang telah menimbulkan tanda tanya di-Persidangan Parlimen baru2 ini. Satu puak pembangkang yang tertentu telah menimbulkan beberapa soalan berkenaan mas'alah Selat Melaka. Perkara Selat Melaka ini ada-lah terang dan nyata dan, pada fikiran saya, ia tidak menjadi satu mas'alah sebab kita dan Indonesia hanya menuntut hak2 kita sebagai negara yang berdaulat dan mereka, di-hormati oleh negara2 asing, besar dan kecil. Indonesia dan Malaysia telah menuntut ia-itu kawasan perayeran kita di-perluaskan daripada tiga kapada dua belas batu. Ada negara2 lain yang telah membuat tuntutan yang sama saperti Mesir, India dan Algeria. Dengan sebab itu sa-bahagian daripada

Selat Melaka telah menjadi kawasan perayeran Indonesia dan Malaysia. Menurut amalan antara-bangsa kawasan perayeran sabuah negara itu tidak-lah boleh di-jadikan kawasan antara-bangsa dan yang demikian Indonesia dan kita menentang chadangan hendak menjadikan Selat Melaka itu Perayeran International.

Akan tetapi, kita mengakui untok menghormati "innocent passage" atau "lalu lintas sechara aman dan jujur" dan begitu juga lalu lintas kapal2 perang asalkan mereka itu memberi tahu kita terlebih dahulu menurut amalan antara-bangsa. Kita tidak menchadangkan hendak menghadkan "lalu lintas sechara aman dan jujur" oleh kapal2 semua negara akan tetapi oleh sebab setengah2 tempat di-Selat Melaka itu chetek maka kapal2 besar yang berat-nya lebeh dari 200,000 ton tidak dapat di-benarkan melalui Selat Melaka kerana di-bimbang berbuat demikian sangat merbahaya.

Kita sedang menjalankan perundingan sechara mendalam mengenai perkara ini dengan Indonesia dan Singapura dan kita akan menentukan keputusan dan sikap kita yang muktamad. Saya patut tegaskan di-sini bahawa Indonesia dan Malaysia mempunyai hak menjaga Selat Melaka itu supaya ia tidak di-rosakkan oleh minyak yang tumpah dari kapal2 minyak yang boleh dan akan merosakkan dan membinasakan ikan2 dan juga pantai2 di-ke-dua buah negara. Jika ini berlaku maka ini juga tentu akan memusnahkan mata pencharian beribu2 nelayan Malaysia dan Indonesia.

Saya telah berchakap dengan panjang lebar berkenaan dengan kedudukan politik di-dalam dan luar negeri, dasar2 Kerajaan kita dan membayangkan harapan dan hasrat kita semua pada masa akan datang. Keamanan dan ketenteraman negara ini ada-lah

bergantung kepada kekuatan dan kebolehan Kerajaan kita menadbirkan negara dan menjamin keamanan dan keharmonian ra'ayat. Kerajaan Perikatan ada-lah di-dukong oleh UMNO bersama2 dengan rakan2-nya, MCA dan MIC. Oleh itu, mustahak-lah kita sentiasa menjamin kekuatan Parti kita.

Saya telah sebutkan sa-bentar tadi sokongan terhadap Parti kita telah meluas dan ini sangat-lah membanggakan, akan tetapi saya harap saudara2 sekalian jangan-lah berpuas hati dan mustahak-lah saudara2 bersama menolong menjayakan rancangan2 Kerajaan untok mempopularkan lagi Parti kita. Mustahak-lah kita semua — pemimpin2 Parti — menjalankan tugas masing2 dengan penoh tanggung jawab dan benar2 serious. Dalam Perhimpunan Agung tahun yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar bahawa pandangan dan sikap ra'ayat sekarang telah berubah. Mereka lebeh matang dan lebeh mengetahui alam di-sekeliling mereka. Mereka tidak boleh lagi menerima chakapan2 apa lagi sharahan2 kita dengan bulat2 sahaja. Mereka boleh menyemak dan menganalisa segala perkara. Oleh sebab perubahan sikap ra'ayat ini kita juga mesti-lah berani dan sa-chara serious-mengubah sikap kita.

PERKEMASKAN PENTADBIRAN PARTI

Saya telah memberi arahan supaya meshuarat2 Jawatankuasa Kerja Parti di-perengkat Bahagian dan Chawangan hendak-lah diadakan sa-berapa kerap yang boleh, lebeh baik, pada tiap2 bulan sekali, dan minit2 meshuarat hendak-lah di-hantar ka-Ibu Pejabat bagi pengetahuan Ibu Pejabat dan saya sendiri. Dengan ini saya akan dapat mengetahui sama ada meshuarat2 benar2 di-adakan dan sama ada Bahagian2 dan Chawangan2 telah menjalankan

tugas mereka masing2. Saya dukachita menyatakan bahawa sebilangan kecil sahaja yang telah menghantar minit2 meshuarat yang mereka adakan. Saya harap perkara ini dapat di-betulkan dengan sa-berapa segera yang boleh. Saya telah terangkan sekian kali sebagai Presiden UMNO, saya bertanggung jawab menjaga kekuatan Parti dan memerhatikan jentera Parti berjalan dengan baik dan sempurna. Begitu juga saudara2 ahli2 UMNO bertanggung jawab menjaga dan mengawasi pemimpin2 tertinggi menjalankan tugas mereka dengan jujur dan ikhlas.

TUGAS WAKIL2 RA'AYAT

Kekuatan UMNO bergantung kepada tiap2 orang ahli-nya — bergantung kepada kesanggupan mereka menjalankan tanggung jawab mereka itu dengan jujur dan sempurna. Ketua2 Parti di semua peringkat — peringkat kebangsaan, negeri, bahagian dan chawangan — mempunyai tanggung jawab yang sama. Begitu juga pegawai2 dalam Parti termasuk-lah wakil2 ra'ayat mempunyai tanggung jawab yang sama. Saya telah juga memberi arahan semua wakil2 ra'ayat mesti-lah melawat kawasan masing2 dan berjumpa dengan pengundi2. Saya meminta mereka itu menghantar keterangan2 dalam borang yang pendek menerangkan masa lawatan, tempat yang di-lawati, mas'alah2 dan sambutan ra'ayat. Ini adalah untuk membolehkan saya mengetahui yang wakil2 ra'ayat sebenarnya menjalankan tugas mereka.

Sebagai pemimpin yang saudara2 telah meletakkan kepercayaan untuk memimpin Parti kita, ada-lah menjadi tanggung jawab saya yang penting menjaga nama baik dan image Parti.

Saperti saya terangkan tadi, sikap ra'ayat telah berubah. Ra'ayat tidak akan menerima wakil2 ra'ayat yang tidak sanggup menjalankan tugas mereka dan berdamping dengan ra'ayat.

Ra'ayat telah memilih wakil2 mereka dengan keperchayaan yang wakil2 itu akan menjaga kepentingan mereka; datang mengziarahi mereka dari masa ka-masa untok mengetahui kesulitan2 hidup mereka. Pada masa2 akan datang ra'ayat tidak akan menerima wakil2 yang tidak menjalankan tugas mereka dan tidak melawat kawasan2 pilehanraya-nya.

Kita tidak akan meletakkan chalun di-mana kawasan pun sa-orang yang tidak dapat di-terima oleh ra'ayat. Masa-nya sudah lewat bagi kita semata2 hendak bergantung kapada nama baik Parti atau pengaruh Parti untok menjamin kemenangan dalam pilehan2raya. Saya tahu apabila sampai dekat pilehanraya, banyak rombongan2 yang datang hendak berjumpa dengan saya, Timbalan Presiden atau Ketua2 Tertinggi Parti. Oleh itu saya terpaksa menerangkan di-sini bahawa sama ada sa-saorang itu akan di-chalunkan untok bertanding dalam pilehan2raya akan datang bergantung pada kebolehan dan kejujoran-nya menjalankan tugas-nya dengan sempurna menurut kehendak2 ra'ayat.

Saya telah katakan tadi kalau kita ingin UMNO terus mempunyai pengaruh dan tenaga, maka kita semua pimpinan Parti mesti-lah sanggup menunaikan tanggung jawab dengan penoh. Kita mesti-lah sanggup berkorban dan menjaga nama baik Parti serta meluaskan pengaruh Parti setiap masa.

Saya sendiri berani berikrar di-hadapan saudara2 sekelian yang saya sanggup dan sedia berkorban usaha, fikiran dan tenaga bahkan jiwa saya untok kepentingan Parti, Bangsa, Ugama dan Negara asalkan saudara2 juga berani dan bersedia menyahut

seruan ini dan bersama2 menjalankan tanggung jawab masing2 dengan penuh minat dan dedikasi.

Nanya-lah dengan kita semua sanggup membulatkan tenaga berkorban untok kepentingan Parti baru-lah Parti kita dapat mempunyai pengaruh yang sa-benar2 di-kehendaki dan baru-lah Negara kita dapat di-tadbirkan dengan baik dan sempurna supaya terjamin kemajuan dan kema'amoran pada kita dan keturunan kita.

PERANAN PEMUDA-WANITA

Oleh sebab kita mempunyai chita2 yang mulia dan tinggi, dan kerana banyak lagi tugas2 penting yang belum kita laksanakan, maka sangat-lah mustahak kita memperkuatkan Parti kita, mengukuhkan jentera UMNO ini. Segala tenaga dan kekuatan ahli2 UMNO — Pemuda dan Wanita hendak-lah di-salorkan untok usaha2 yang berfaedah dan memberi menafa'at kepada bangsa dan negara. Parti kita mesti-lah bergerak menurut landasan2 yang di-tentukan, mengikut peratoran dan disiplin.

Disiplin tidak-lah bererti membatasi kebebasan sa-saorang Ahli, Pemuda atau Wanita untok bertindak dan bersuara. Disiplin hanya sa-kadar bererti mengenakan atoran2 tertentu supaya tindakan sa-saorang itu di-salorkan sesuai dengan dasar2 dan chita2 perjuangan Parti dan Negara.

Dasar UMNO ia-lah pragmatism; UMNO ada-lah sa-buah Parti yang praktikal — perjuangan-nya sentiasa sesuai dengan aliran zaman. Selagi kita tundok kepada prinsip ini dan berubah mengikut tuntutan zaman, maka selama itu-lah UMNO akan

terus di-sokong bukan saja oleh Bumiputra tetapi ra'ayat Malaysia yang ingin melihat Negara ini terus maju dan ra'ayat-nya hidup dalam suasana muhibbah dan aman damai.

Dalam usia-nya selama 26 tahun, UMNO telah menjadi juara perjuangan kebangsaan — memberi kedaulatan kepada Negara, kepada Bahasa Kebangsaan kita dan juga Ugama Islam. UMNO telah mempelopori kebangkitan ra'ayat dan membawakan kemajuan dalam semua bidang serta mengembalikan perasaan megah atau 'pride' kepada Bangsa Melayu.

Saya harap kita dapat meninggikan lagi taraf ekonomi, pelajaran dan sosial ra'ayat Negara kita khas-nya kaum Bumiputra dengan membesarkan lagi kaum entrepreneur atau pengusaha2 Bumiputra, membentok masharakat perindustrian dan gulongan professional melalui pelajaran dan latehan sa-chara besar2an. Kita akan membelanjakan wang yang banyak bagi melateh dan melengkapikan jenerasi muda dengan berbagai2 kemahiran dan ilmu yang perlu dan di-kehendaki sekarang. Ini-lah sa-bahagian dari ranchangan2 untok mengadakan satu asas yang kukoh bagi kemajuan dan kebahagiaan hidup ra'ayat dan kesetabilan Negara di-masa hadapan.

Kerajaan kita telah dan akan terus mengadakan berbagai2 ranchangan pembangunan untok tujuan2 yang tersebut. Tetapi, saperti saya katakan di-awal ucapan saya tadi, bahawa ranchangan2 ini hanya akan berjaya sa-penoh-nya jika ada penyertaan dari pehak ra'ayat dengan jujur dan ikhlas. Di-sini-lah letak-nya peranan yang besar Parti kita ia-itu mendorong dan menggalakkan ra'ayat supaya menyokong kita dalam pilehan2raya menyokong dan mengambil bahagian penting dalam ranchangan2 Kerajaan yang sama hebat dengan sokongan yang mereka zahirkan tiap2 pilehanraya yang di-adakan di-negara kita ini.

PISAU DUA BELAH MATA


Sesungguh-nya tidak ada satu masa terdahulu dari ini yang membukakan sebegitu besar peluang dan harapan kepada ra'ayat Bumiputra untok menchapai kemunchak kejayaan dan kebahagiaan. Tetapi, saperti kata pepatah Arab, masa ada-lah ibarat sabilah pedang — jika kita tidak menggunakan-nya dengan mengambil kesempatan yang terbuku sekarang ini, maka ia akan memusnahkan kita.

Tegas-nya, peluang saperti juga waktu, tidak menunggu sabarang orang; kalau tidak di-gunakan, kita akan terchichir. Maka terpulang-lah kapada kita sama ada hendak merebut peluang2 yang di-adakan oleh Kerajaan itu atau kita lepaskan peluang2 itu begitu saja. Kita sekarang mempunyai peluang yang sa-baik2-nya untok mendirikan satu asas yang kukoh bagi kema'amoran dan kebahagiaan hidup kita, Bangsa dan Negara. Kalau tidak kita akan ketinggalan. Oleh sebab itu kita mesti-lah bekerja kuat berlipat kali ganda lagi untok mendapatkan satu taraf hidup yang sempurna, yang sesuai dengan tuntutan zaman sains dan teknologi.

Perubahan sosial dan ekonomi semesti-nya mengambil masa yang panjang, tetapi Kerajaan mesti-lah terus berusaha sebagaimana juga ra'ayat Bumiputra sendiri mesti terus meluaskan penyertaan-nya dalam usaha2 Kerajaan itu. Saya yakin dan perchaya dengan inayah Tuhan dan kesedaran yang ada dan sedang berkembang di-kalangan bahagian besar ra'ayat Bumiputra sekarang khas-nya belia2 dan anak2 kita di-bangku sekolah, kita dan jenerasi akan datang akan mempunyai semangat, ketabahan hati dan dedikasi untok menghadapi chabaran2 dan mengatasi chabaran2 itu dengan sempurna dan jaya-nya.

Dengan harapan dan semangat ini-lah, saya sudahi ucapan saya dengan menyeru para perwakilan sekalian supaya bersama2 memikir dan merancang usaha2 bagi mengisikan segala kekosongan yang maseh ada dalam kehidupan kita dan Negara kita yang di-kasehi ini.

Sekian-lah sahaja, saya ucapkan berbanyak terima kaseh — selamat bersidang dan maju jaya!



**Di-keluarkan oleh Ibu Pejabat Umno Malaysia Kuala Lumpur dan di-chetak
oleh Central Printing Sdn Berhad, Petaling Jaya, Malaysia**